

Pensyarah UMP Kongsi Kepakaran Dalam Penulisan



Kuantan, 26 Ogos – Seramai 56 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Bengkel Penulisan Rencana Kreatif anjuran Bahagian Komunikasi Korporat Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Dalam program ini peserta berpeluang berkongsi pengalaman dengan Editor Bersekutu BH2 dan Majalah Mingguan, Azhar Abu Samad dari Media Prima dan wartawan Berita Harian Biro Kuantan, Amin Ridzuan Ishak.

Menurut Azhar, penting bagi penulis untuk mengetahui jenis, corak dan bahasa rencana yang saling berhubungan dan saling mempengaruhi. Jenis rencana akan mempengaruhi laras Bahasa, corak rencana pula akan mempengaruhi gaya bahasa.



"Terdapat perbezaan dengan penulisan berita kerana kandungan berita lebih padat, melaporkan, objektif, peristiwa semasa dan bebas daripada pandangan pengarang. Selain itu, jika laporannya panjang dan terdapat analisis maklumat, maka berita itu dinamakan berita rencana atau rencana berita. Oleh sebab sifatnya yang ringkas menyebabkan gaya penulisan rencana tidak bersifat ilmiah atau sekadar semi ilmiah serta tidak memerlukan nota kaki atau rujukan. Walau bagaimanapun adalah tidak salah jika berbuat demikian," katanya.

Ujar beliau lagi, sebagaimana esej, rencana juga mempunyai beberapa jenis penulisan iaitu rencana politik, analisis politik, sukan, rencana ekonomi, rencana sastera dan sebagainya. Daripada jenis tersebut dapat diperincikan kepada subjenis yang lebih khusus. Misalnya, dalam rencana sastera terdapat rencana kegiatan sastera, rencana kritikan sastera, rencana polemik sastera, rencana ulasan buku sastera, dan sebagainya. Malahan, penjenisan rencana juga dapat dikategori berdasarkan media penyiaran, seperti rencana akhbar, rencana majalah dan rencana blogger.



Beliau yang mempunyai lebih 30 tahun dalam dunia penulisan akhbar memuji langkah UMP dalam mengetengahkan kepakaran pensyarah untuk sama-sama menyumbang hasil penulisan untuk dikongsikan dengan masyarakat.

Bengkel yang diadakan selama sehari bermatlamat untuk memberikan pendedahan kepada peserta bagaimana menulis rencana yang memberikan lebih impak dan manfaat kepada organisasi dan pembaca. Selain itu penulis dapat membabitkan diri dalam bidang penulisan dan dapat menghasilkan rencana untuk disiarkan dalam akhbar dan majalah. Pelbagai jenis rencana didedahkan kepada peserta untuk memberikan gambaran dan isu yang sesuai untuk ditulis.



Seorang peserta, Jamilah Bebe Mohamad yang merupakan Guru Bahasa berkata, bengkel sebegini membantu beliau untuk menulis rencana dengan lebih kreatif, informasi yang tepat tanpa menjelaskan mana-mana pihak serta mengelakkan sensitiviti amatlah perlu agar rencana yang dihasilkan berkualiti.

Lebih 10 rencana dihasilkan sepanjang sesi bengkel berlangsung dan antaranya adalah berkaitan pembangunan modal insan dan etika kepimpinan, menggalakkan keusahawanan sosial di kalangan belia, kebolehpasaran graduan, cara hebat menjadi usahawan belia e-dagang, kediaman sihat dengan terapi penyelenggaraan, belia sebagai ahli masyarakat komunikasi digital dan berfikir secara kritis.

Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 27-08-2015, 08:17:38